

BERITA HARIAN

DATE: 10/9/2008

Tun Mahathir mahu sertai semula Umno

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ber-setuju untuk menyertai semula Umno bagi membantu mengukuh dan meningkatkan keyakinan rakyat kepada parti itu dan Barisan Nasional (BN).

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata keputusan itu dibuat Dr Mahathir selepas beliau sendiri memujuk dan menca-dangkan supaya bekas Presiden Umno itu mempertim-bangkan untuk kembali bersama Umno.

Berdasarkan perbincangan dengan Dr Mahathir, Sabtu lalu itu, beliau percaya Dr Mahathir akan mengang-gotai semula Umno pada masa terdekat, jika semua pe-rancangan dan proses kema-sukan semulanya secara rasmi berjalan lancar.

"Tun Dr Mahathir begitu mengambil berat dengan apa yang berlaku dalam politik negara dan beliau rasa kea-daan Umno masih tidak baik walaupun selepas beliau men-inggalkan Umno. Dengan

kehadiran semula Tun, diha-rap beliau dapat memberi na-sihat dan berperanan mengu-kuhkan Umno serta menya-tupadukan Melayu dan BN.

"Bagaimanapun, hasrat Tun itu perlu dibawa kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno, dan saya fikir tiada sebarang halangan untuk beliau ber-sama Umno semula dan se-malam (Isnin) saya sudah memaklumkan perkara itu kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak," katanya kepada pem-berita di sini, semalam.

Ditanya sama ada Dr Ma-hathir memberi sebarang sya-rat untuk kembali dalam Um-no, Muhyiddin berkata: "Ti-dak ada syarat ditetapkan, cuma keputusan itu menun-jukkan beliau mengubah fi-kiran dan menganggap pen-ting beliau bersama Umno un-tuk membantu parti dan BN."

Mengenai Dr Mahathir yang dikatakan menyokong Tengku Razaleigh Hamzah untuk merebut jawatan Pre-siden parti, beliau menjawab ringkas: "Itu soal lain."

BA- 10/9/2008